

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

BAHASA MELAYU TINGKATAN 5

1103/2 (PP)

Peraturan Pemarkahan

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA.

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**.

Kegunaannya khusus untuk pemeriksa Bahasa Melayu Kertas 2 sahaja.

Join Telegram : https://t.me/exercise_students

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak

Markah Penuh : 100 markah**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

- ❖ Berikan 1 markah bagi setiap **kata adjektif** yang betul.
- ❖ Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata adjektif** tersebut.
- ❖ Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
- ❖ Sekiranya beberapa **kata adjektif** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
- ❖ Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan **0 markah**.
- ❖ Calon menyalin keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan **0 markah**.
- ❖ Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan **0 markah**.
- ❖ Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan **0 markah**.
- ❖ Maksud ayat tidak jelas, berikan **0 markah**.
- ❖ **Tolak 1 markah** bagi kesalahan ejaan / tanda baca / jalan bahasa daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) hebat – teramat sangat atau luar biasa (gagah, dahsyat, kuat, elok, bagus, ramai)
- (ii) seronok–perasaan yang menyenangkan atau menyedapkan hati, sedap didengar
- (iii) selesa–tidak sempit, lega, luas, enak, sedap, senang
- (iv) kerdil-s–entiasa kecil, terencat tumbuhnya
- (v) hodoh–buruk, jelik(rupa), terlalu bodoh (dungu)

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

1. Hari kebangsaan merupakan antara sambutan peristiwa penting yang diadakan dinegara kita pada setiap tahun.
Subjek : **Hari kebangsaan** 1
Predikat : **merupakan antara sambutan peristiwa penting yang diadakan dinegara kita pada setiap tahun.** 1

2. Penglibatan daripada semua peringkat masyarakat amat diperlukan untuk memeriahkan lagi sambutan hari kebangsaan negara.
Subjek : **Penglibatan daripada semua peringkat masyarakat** 1
Predikat : **amat diperlukan untuk memeriahkan lagi sambutan hari kebangsaan negara.** 1

3. Masyarakat boleh mengambil bahagian melalui pelaksanaan aktiviti pada peringkat sekolah, universiti ataupun peringkat organisasi.
Subjek : **Masyarakat** 1
Predikat : **boleh mengambil bahagian melalui pelaksanaan aktiviti pada peringkat sekolah, universiti ataupun peringkat organisasi.** 1

4. Kebanyakan sekolah ataupun organisasi akan mengadakan pertandingan melukis poster, kuiz merdeka, buku skrap dan pidato kemerdekaan.
Subjek : **Kebanyakan sekolah ataupun organisasi** 1
Predikat : **akan mengadakan pertandingan melukis poster, kuiz merdeka, buku skrap dan pidato kemerdekaan.** 1

5. Negara kita perlu disayangi dan dipelihara keharmoniaannya agar cengkaman penjajah.
Subjek : **Negara kita** 1
Predikat : **perlu disayangi dan dipelihara keharmoniaannya agar cengkaman penjajah pada masa lalu tidak akan berulang lagi.** 1

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

- (i) penandaan – penanda
- (ii) adalah – ialah
- (iii) di mana - yang mana
- (iv) merakamkan – merakam
- (v) mangsa – musuh
- (vi) setengah – sesetengah

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

- (i) memperkenalkan – memperkenalkan
- (ii) berpenghasilan – keberhasilan
- (iii) pantauan – pemantauan
- (iv) 200 petani - 200 orang petani
- (v) di dalam – dalam
- (vi) kepada – pada

[Maksimum : 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4.

| Deskripsi | Markah |
|---|--------|
| | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis | |
| - Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis | 1 |
| - Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis | 1 |
| - Ayat disalin bulat-bulat | 0 |
| - Isi tidak mengikut urutan | 0 |

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Paduka Bubunnya sangat marah; lantas dia sendiri hendak pergi menyerang Melaka. Selain itu, ada seorang anak Paduka Bubunnya yang bernama Cau Pandan. Dia berkata kepada Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya yang hendak menyerang Melaka, sembahnya “Duli Pra Cau, lengkapi patik, patik akan mengalahkan Melaka.

[Maksimum : 4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) seperti serumpun bak serai sesusun bak sirih **1**
: bagai aur dengan tebing / bagai aur bergantung ke tebing, bagai tebing
bergantung ke aur **1**
- (ii) usaha tangga kejayaan **1**
: di mana ada kemahuan, di situ ada jalan / kalau tidak dipecahkan ruyung,
manakan dapat sagunya / genggam bara api biar sampai jadi arang / alang-alang
mandi biar basah / alang-alang berdakwat biar hitam / alang-alang menyeluk
pekasam biar sampai ke pangkal lengan **1**
- (iii) terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya **1**
: kerana pulut santan binasa kerana mulut badan binasa **1**

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

- ❖ Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
- ❖ Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
- ❖ Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
- ❖ Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|----------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis | 1 |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup | |
| - Jawapan salah | 0 |

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|----------|
| - Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis | |
| - Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan | 1 |
| - Jawapan salah | 0 |

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|----------|
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis | |
| - Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis | |
| - Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis | 1 |
| - Jawapan salah | 0 |

Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum**Markah****(i) Maksud menimbulkan kerisauan**

- mengemukakan/membangkitkan/menerbitkan
kekacauan/kegelisahan/kebimbangan **2**
- *menimbulkan* kekacauan/kegelisahan/kebimbangan **1**
- mengemukakan/membangkitkan/menerbitkan *kerisauan* **1**

(ii) Faktor-faktor gejala buli**Bahan 1**

P1 kurangnya kasih sayang dalam sesebuah keluarga

P2 pengaruh rakan sebaya

Bahan 2

P3 tidak berpuas hati

P4 hanya sekadar gurauan atau berseronok

P5 berhasrat untuk capai kepuasan dengan buli

P6 mempunyai masalah mental

P7 ingin menunjukkan kuasa dan kemampuannya

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Tanda-tanda menjadi mangsa buli**

P1 tidak mahu ke sekolah

P2 prestasi pelajaran mula menurun

P3 mula menyendiri dan tidak mahu bersosial

P4 susah hendak tidur

P5 kerap menangis

P6 semakin kurang bercakap

P7 kurang selera makan dan sering termenung

P8 mempunyai kesan luka pada anggota fizikal

P9 sering berpura-pura sakit

P10 kemurungan

(Tanda lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]**

(iv) Tindakan-tindakan ibu bapa

- P1 memupuk sikap toleransi/hormat menghormati dalam diri anak-anak
- P2 menasihati/menegur anak-anak
- P3 memberi didikan agama/moral
- P4 memberi tindakan sewajarnya terhadap anak-anak
- P5 memastikan anak-anak bebas daripada pengaruh buruk
- P6 menjadi contoh teladan yang baik

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera**(i) Tindakan keluarga Pak Tua**

- dibiarkan menjadi hutan simpan
- membersihkan sedikit sahaja kawasan untuk tapak rumah
- dusun buah-buahan
- kawasan pelancongan

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Kesan-kesan alam sekitar tidak dijaga**Bahan 1**

P1 Kecurian kayu balak makin menjadi-jadi

P2 habis kayu balak dicuri

Bahan 2

P3 Bencana yang datang sukar dielakkan

(Kelak bencana sukar dihindari) -puisi

P4 Alam yang indah akan bertambah suram

(Alam indah menjadi lesu) -puisi

P5 Rezeki yang akan diperoleh semakin berkurang

(Rezeki tidak lagi melimpah) -puisi

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Faktor-faktor berpunca daripada aktiviti manusia

P1 pembalakan yang tidak mampan

P2 sistem perparitan tidak dikawal selia

P3 ketiadaan sistem tadahan air

P4 pembuangan sisa domestik / sisa industri ke dalam saliran

P5 pembangunan pesat yang tidak terkawal

(Faktor lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Peranan sebagai pengawas alam sekitar

- P1 memastikan tiada pembaziran air / elektrik
- P2 memastikan tiada kawasan kotor / terbiar
- P3 memastikan tiada aktiviti yang merosakkan tanaman
- P4 melaksanakan aktiviti berterusan berkaitan alam sekitar

(Peranan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8 – Pemahaman Petikan Novel**(i) Sebab ibu Unong Siron dikatakan sengaja mencari fasal dengan Felicia Landosi**

- P1 – kononnya saya tidak ikhlas
- P2 – tidak jujur
- P3 – kononnya saya sengaja mempengaruhi mereka dengan niat yang buruk

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)**Soalan novel : 6 markah**

- (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul. (P1)
- (iv) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa. (H1)
- (v) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian)
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (viii) Calon tidak menjawab, 0 markah

[Maksimum : 6 markah]

1. Peristiwa :

Peristiwa Unong Siron yang terpaksa menjalani pembedahan sebanyak lima kali di bahagian sendi tulang pinggul kerana ketamakan Doktor Uwang yang ingin mengaut keuntungan yang berganda.

Huraian :

Pembaca berasa simpati dengan nasib pesakit yang terpaksa menanggung kesakitan disebabkan sikap doktor yang tidak bertanggungjawab.

2. Peristiwa :

Peristiwa Doktor Raiha yang dihalang oleh bapanya sendiri untuk menyambung cita-citanya sebagai seorang pakar bedah yang berjaya.

Huraian :

Pembaca berasa simpati kerana cita-cita seorang anak tidak direstui oleh bapa yang berfikiran kolot.

3. Peristiwa :

Peristiwa Doktor Raiha yang dimarahi oleh Doktor Sadiz kerana tidak mahu menggugurkan kandungannya yang dikatakan cacat.

Huraian :

Pembaca berasa simpati dengan nasib seorang isteri kerana suaminya tidak memberikan sokongan emosi kepadanya semasa dia mengandungkan anak mereka sebaliknya bersikap tidak berperikemanusiaan dan tidak menerima ketentuan Tuhan.

4. Peristiwa :

Peristiwa Doktor Raiha yang kematian anaknya, Rohayu dalam kebakaran kereta milik suaminya sendiri iaitu Doktor Sadiz.

Huraian :

Pembaca berasa simpati kerana seorang ibu kehilangan anak kesayangannya akibat masalah rumah tangga yang dialaminya.

NOVEL BIMASAKTI MENARI

1. Peristiwa :

Peristiwa kanak-kanak dari Hiroshima, Jepun tidak dapat mencerap bintang semasa melawat Balai Cerap Sultan Salahuddin disebabkan langit yang cerah pada malam tersebut.

Huraian :

Pembaca berasa simpati kerana murid-murid tersebut datang dari jauh untuk melihat keindahan bintang namun tidak kesampaian kerana sikap manusia yang tidak menjaga alam sekitar.

2. Peristiwa :

Peristiwa Muhammad Taufik terpaksa tinggal berjauhan dengan ibunya Puan Maryam Wickham setelah ibu bapanya bercerai.

Huraian : Pembaca berasa simpati dengan nasib anak yang kurang mendapat kasih sayang daripada ibunya kerana kerja dan cita-cita ibunya yang sentiasa merantau.

3. Peristiwa :

Peristiwa Muhammad Taufik dipukul oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid atas sebab dendam peribadi dan Dato' Johann Arlington-Majid tidak bersetuju dengan cadangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang diusahakan oleh Taufik dan Nurul Hafsa.

Huraian :

Pembaca bersimpati dengan nasib anak muda yang terpaksa menjadi mangsa persengketaan dan sifat tamak.

[Terima mana-mana peristiwa dan huraian yang rasional]

BAHAGIAN C : RUMUSAN[30 *markah*]

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20** markah
- (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- ✓ nama khas
- ✓ perkataan berganda
- ✓ penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- ✓ tarikh
- ✓ angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- ✓ gelaran
- ✓ penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

| Bahagian | Bilangan Isi | Bahagian Isi Diterima | | | | | Markah Maksimum |
|--|--------------|-----------------------|---|---|---|-----------|-----------------|
| (i) Pendahuluan | | | | | | | 2 |
| (ii) Isi Bahan 1 | | | | | | | 16 |
| Fokus 1 (keburukan / implikasi / akibat) | 5 | 2 | 1 | 1 | 2 | 2 | |
| Fokus 2 (langkah / cara / usaha) | 3 | 1 | 2 | 1 | 2 | 2 | |
| (iii) Isi Bahan 2 | | | | | | | |
| Fokus 1 (keburukan / implikasi / akibat) | 5 | 3 | 3 | 3 | 2 | 3 | |
| (iv) Isi Bahan 3 | | | | | | | |
| Fokus 2 (langkah / cara / usaha) | 4 | 2 | 2 | 3 | 2 | 1 | |
| Jumlah Isi | 17 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | |
| (v) Penutup / Kesimpulan | | | | | | | 2 |
| Jumlah Markah | | | | | | 20 | |

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik

| PERINGKAT | MARKAH BAHASA | KRITERIA |
|------------------|--------------------|--|
| Cemerlang | 8-10 markah | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik ▪ Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan |
| Baik | 5-7 markah | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesenambungan ayat baik ▪ Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu ▪ Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat ▪ Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan |

| | | |
|------------------|-------------------|--|
| Sederhana | 3-4 markah | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik ▪ Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu ▪ Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat ▪ Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan |
| Lemah | 1-2 markah | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami. |

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- P1 ... membincangkan faktor/punca/sebab penularan penyakit berjangkit dan langkah-langkah/cara/usaha mengelakkan/mencegah/menangani penyakit berjangkit **2**
- P2 ... membincangkan faktor/punca/sebab penularan penyakit berjangkit **1**
- P3 ... membincangkan langkah-langkah/cara/usaha mengelakkan/mencegah/menangani penyakit berjangkit **1**

Isi [16 markah]**Fokus 1 - faktor/punca/sebab penularan penyakit berjangkit****BAHAN 1**

- A1 bakteria leptospira yang terdapat dalam air kencing haiwan mamalia berkaki empat
- A2 sentuhan langsung dengan cecair hidung, air liur, lepuh dan najis pesakit yang dijangkiti
- A3 sentuhan pada permukaan dan alatan permainan yang tercemar dengan virus tersebut
- A4 kemasukan pekerja asing yang tidak terkawal
- A5 tanpa saringan

BAHAN 3

- B1 sentuhan terus dari kulit ke kulit
- B2 sentuhan objek yang pernah disentuh oleh pesakit
- B3 sentuhan darah pesakit
- B4 titisan air liur pesakit ketika batuk atau bersin

Fokus 2 - langkah-langkah/cara/usaha mengelakkan/mencegah/menangani penyakit berjangkit**BAHAN 1**

- C1 makanan dan minuman hendaklah sentiasa ditutup
- C2 elakkan daripada bermain lopak air terutama selepas banjir
- C3 sentiasa membersihkan tangan anak-anak ketika berada di luar rumah,
- C4 mengelakkan daripada membawa anak-anak ke tempat yang dipenuhi dengan orang ramai
- C5 agensi kesihatan perlu bekerjasama dengan agensi keselamatan membendung kemasukan pendatang asing tanpa izin.
- C6 pekerja asing yang sah, perlu menjalani ujian kesihatan lebih dahulu di negara asal mereka atau negara penerima

BAHAN 2

D1 Amalan utama mencuci tangan perlu dilakukan (Mencuci tangan amalan utama-puisi)

D2 Makanan ringan perlu dihindari (Makanan ringan perlu dielak-puisi)

D3 Kebersihan kuku perlu dijaga (Bersihnya kuku tiada kotor dan panjang-puisi)

BAHAN 3

E1 dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital

KESIMPULAN

K1 Kesimpulannya, penyakit berjangkit perlu ditangani supaya kesihatan kekal terjamin **2**

K2 Kesimpulannya, penyakit berjangkit perlu ditangani **1**

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)